UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies
http://jurnalumran.utm.my
eISSN 2289-8204

Daripada Peradaban Kepada Infrastruktur: Kesan Kuasa Perdagangan Barat Terhadap Tamadun Maritim Pahang, Abad ke-19 hingga ke-20

From Civilisation to Infrastructure: The Impact of Western Commercial Powers on Pahang's Maritime Civilisation, 19th to 20th Centuries

Ahmad Farid Abd Jalal[a], Azman Yusof[b*], Ahnaf Wafi Alias[a], Rahimin Affandi Abd Rahim[a]

[a]*Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Jalan Sultan Ahmad, Kampung Pancur, 26600 Pekan, Pahang Malaysia*
[b]*Malaysian Institute of Chemical & Bioengineering Technology, Universiti Kuala Lumpur, 78000 Alor Gajah, Melaka, Malaysia*

**Corresponding author: azmanyusof@unikl.edu.my*

Article history

Received: 2026-06-08 Received in revised form: 2026-10-08 Accepted: 2026-10-09 Published online: 2026-11-05

Abstract

Maritime history of the Malay world has commonly been interpreted through entrepot ports, oceanic trade and sea-borne networks, while territories whose maritime character developed through interactions between inland areas, rivers, estuaries and coasts have received less attention. Pahang represents an important example of this form of maritime development. The Pahang River system, together with the Jelai, Tembeling, Semantan and Bera rivers, connected inland production zones with settlements, centres of authority and the coast. Gold mining before direct British intervention demonstrates that Pahang's inland areas were already incorporated into exchange networks dependent on riverine mobility, while the *Hukum Kanun Pahang* (HKP) reveals an established structure of governance, law and commercial regulation. This study employs historical document analysis and thematic content analysis of local sources, Pahang-specific scholarship and comparative works on maritime history, Islamic law and colonialism. The findings show that British intervention after 1888 did not create the economic functions of rivers or resource-based activities, but reorganised authority, revenue administration, relations with capital and the functions of aquatic space. Rivers that had integrated mobility, economy, politics and social life increasingly acquired institutional importance for communication, administration and commodity transport. The phrase *from civilisation to infrastructure* therefore refers to a transformation in the hierarchy of functions and centres of authority rather than the wholesale replacement of a pre-colonial system. The river–estuary–coast framework adopted in this study situates inland areas within the maritime world and broadens our understanding of the diversity of aquatic civilisations in the Malay world.

Keywords: Maritime Civilisation; Pahang River; Hukum Kanun Pahang; colonialism.

Abstrak

Sejarah maritim Alam Melayu lazimnya dihuraikan melalui pelabuhan entrepot, perdagangan samudera dan jaringan laut, sedangkan wilayah yang kemaritimannya berkembang melalui hubungan antara pedalaman, sungai, muara dan pesisir kurang diberikan perhatian. Pahang menawarkan contoh penting kepada bentuk kemaritiman ini. Sistem Sungai Pahang bersama jaringan Jelai, Tembeling, Semantan dan Bera menghubungkan kawasan pengeluaran di pedalaman dengan penempatan, pusat kuasa dan pesisir. Perlombongan emas yang berkembang sebelum campur tangan British menunjukkan bahawa pedalaman Pahang telah terlibat dalam ekonomi pertukaran berasaskan mobiliti perairan, manakala *Hukum Kanun Pahang* (HKP) memperlihatkan kewujudan struktur pemerintahan, hukum dan muamalat. Kajian ini menggunakan analisis dokumen sejarah dan analisis kandungan tematik terhadap sumber tempatan, karya khusus Pahang serta literatur perbandingan tentang sejarah maritim, hukum Islam dan kolonialisme. Kajian mendapati bahawa campur tangan British selepas 1888 tidak mencipta fungsi ekonomi sungai atau kegiatan sumber, tetapi menyusun semula autoriti, pengurusan hasil, hubungan dengan modal dan fungsi ruang perairan. Sungai yang sebelumnya mengintegrasikan mobiliti, ekonomi, politik dan kehidupan sosial semakin turut diberikan keutamaan sebagai medium komunikasi,

pentadbiran dan pengangkutan komoditi. Ungkapan *daripada peradaban kepada infrastruktur* dengan demikian merujuk kepada perubahan hierarki fungsi dan pusat autoriti, bukannya penggantian mutlak sistem pra-kolonial. Kerangka sungai–muara–pesisir yang digunakan dalam kajian ini menempatkan pedalaman sebagai sebahagian daripada dunia maritim dan memperluas pemahaman tentang kepelbagaian tamadun perairan Alam Melayu.

Keywords: Tamadun Maritim; Sungai Pahang; Hukum Kanun Pahang; kolonialisme.

1.0 PENDAHULUAN

Sejarah maritim Alam Melayu banyak dibentuk oleh kajian tentang pelabuhan entrepot, perdagangan samudera dan jaringan komersial yang menghubungkan Asia Tenggara dengan India, China, Timur Tengah dan dunia Mediterranean (Chaudhuri, 1985; Reid, 1993; Pearson, 2003). Pendekatan tersebut penting dalam menjelaskan kedudukan rantau ini dalam perdagangan antarabangsa, tetapi kecenderungan menumpukan laut terbuka dan pelabuhan besar menyebabkan kawasan pedalaman sering diletakkan sebagai ruang sokongan kepada pusat pesisir.

Kajian mengenai sejarah air di Asia Tenggara menunjukkan bahawa kemaritiman tidak semestinya bermula di garis pantai. Sungai, muara dan pesisir membentuk jaringan yang memungkinkan pergerakan manusia, komoditi dan pengaruh antara kawasan yang berlainan (Boomgaard, 2007; Sutherland, 2007). Dalam kerangka ini, kawasan yang jauh daripada laut tetap boleh menjadi sebahagian daripada dunia maritim apabila terhubung secara aktif melalui sistem perairan.

Pahang menyediakan kes yang sesuai untuk menilai persoalan tersebut. Sungai Pahang bersama jaringan Jelai, Tembeling, Semantan dan Bera menghubungkan kawasan pedalaman dengan hilir dan pesisir, sementara laluan tertentu menghubungkan lembangan Pahang dengan sistem perairan lain di Semenanjung (Linehan, 1936). Sejarah perlombongan emas pula menunjukkan bahawa kawasan pedalaman telah mempunyai kepentingan ekonomi sebelum pengukuhan kuasa British (Zakaria Awang Ali, 1977).

Sistem ini tidak hanya mempunyai dimensi ekonomi. Pemerintahan Pahang berkembang melalui hubungan antara Sultan, pembesar, daerah dan masyarakat, sementara HKP memperlihatkan kewujudan tradisi hukum yang mengatur pemerintahan, hubungan sosial dan muamalat (Yaakub Isa, 2003; Aruna Gopinath, 1991). Oleh itu, sejarah maritim Pahang perlu dibaca bukan hanya melalui laluan perdagangan dan komoditi, tetapi juga melalui struktur kuasa dan institusi hukum.

Persoalan tersebut menjadi lebih penting apabila perubahan selepas penerimaan Residen British pada 1888 diteliti. Pahang memasuki era pentadbiran kolonial dalam keadaan jaringan sungai, ekonomi sumber dan struktur pemerintahan tempatan telah pun wujud. Mohd Samsudin (2010) menunjukkan bahawa potensi mineral menjadi sebahagian daripada perhatian British terhadap Pahang sebelum campur tangan langsung, manakala Aruna Gopinath (1991) menunjukkan bahawa Sistem Residen mengubah hubungan antara institusi tempatan dengan pentadbiran kolonial.

Dengan itu, persoalan utama bukan sama ada British memperkenalkan ekonomi dan pengangkutan ke Pahang, tetapi bagaimana campur tangan kolonial mengubah autoriti terhadap sumber, organisasi ekonomi dan kedudukan fungsi ruang perairan. Perubahan ini juga tidak wajar dibaca sebagai pemisahan mutlak antara dua zaman kerana kegiatan ekonomi, jaringan sungai dan institusi tempatan terus berfungsi dalam bentuk yang berubah.

Berdasarkan permasalahan tersebut, artikel ini menjawab tiga persoalan. Pertama, bagaimana jaringan sungai, ekonomi sumber, struktur pemerintahan dan institusi hukum membentuk sistem maritim Pahang sebelum pengukuhan pentadbiran British? Kedua, bagaimana campur tangan kolonial mengubah hubungan antara autoriti, ekonomi dan penggunaan ruang perairan? Ketiga, apakah implikasi perubahan tersebut terhadap pemahaman historiografi maritim Pahang?

Ungkapan *daripada peradaban kepada infrastruktur* digunakan untuk menilai perubahan pada hierarki fungsi, bukan untuk mendakwa bahawa masyarakat pra-kolonial tidak mempunyai infrastruktur atau bahawa kehidupan peradaban hilang selepas kolonialisme. Ia merujuk kepada keadaan apabila fungsi komunikasi, pentadbiran dan ekonomi memperoleh kedudukan institusional yang semakin dominan dalam pengurusan ruang perairan.

Melalui kerangka sungai–muara–pesisir, artikel ini menempatkan Pahang dalam sejarah maritim Alam Melayu tanpa menjadikannya replika kepada model entrepot Melaka. Pendekatan ini memberikan ruang untuk memahami kemaritiman melalui hubungan antara kawasan sumber, jaringan perairan, struktur kuasa dan institusi, sekali gus memperlihatkan kepelbagaian bentuk tamadun maritim di Alam Melayu.

2.0 ANALISIS KAJIAN LEPAS DAN JURANG KAJIAN

2.1 Historiografi Maritim, Sungai dan Kedudukan Pedalaman

Historiografi maritim Asia banyak dibentuk oleh kajian tentang perdagangan jarak jauh, pelabuhan dan hubungan samudera. Chaudhuri (1985) menempatkan Lautan Hindi sebagai ruang perdagangan yang menghubungkan beberapa wilayah ekonomi utama, manakala Pearson (2003) memahami laut sebagai ruang sosial yang dibentuk oleh pedagang, kerajaan dan masyarakat pesisir. Dalam konteks Asia Tenggara, Reid (1993) menunjukkan bahawa pertumbuhan perdagangan antara abad ke-15 hingga abad ke-17 memberi kesan besar terhadap perkembangan bandar, pasaran dan hubungan politik.

Sumbangan karya-karya tersebut penting, tetapi penekanan terhadap pelabuhan besar dan perdagangan samudera turut mendorong kecenderungan meletakkan kawasan pedalaman sebagai *hinterland* atau ruang pembekal kepada pusat pesisir. Perspektif ini boleh diperluas melalui pendekatan jaringan. Wolters (1999) menekankan bahawa struktur politik Asia Tenggara pra-moden bergantung pada hubungan, mobiliti dan kemampuan pusat menghubungkan manusia serta kawasan sumber, sementara Boomgaard (2007) dan Sutherland (2007) menunjukkan bahawa sungai dan laut sering menjadi sebahagian daripada sistem mobiliti yang sama.

Pendekatan ini penting kepada Pahang kerana sifat maritimnya berkembang melalui hubungan antara kawasan pedalaman, sistem sungai, muara dan pesisir. Pedalaman tidak semestinya berada di luar dunia maritim jika mempunyai hubungan fungsional dengan jaringan perairan. Namun, hubungan tersebut tidak boleh diandaikan daripada model serantau semata-mata; ia perlu dibuktikan melalui sumber tempatan yang menunjukkan hubungan antara kawasan pengeluaran, sistem sungai dan pusat pertukaran.

2.2 Historiografi Pahang, Ekonomi Sumber dan Jaringan Perairan

Linehan (1936) merupakan antara sumber penting tentang sejarah Pahang kerana menghimpunkan data mengenai politik, geografi, sungai, laluan perhubungan dan hubungan antara daerah. Walaupun tidak membangunkan konsep tamadun maritim sungai secara khusus, karyanya

menyediakan asas untuk menilai bagaimana jaringan perairan menghubungkan kawasan pedalaman dengan kawasan lain di Semenanjung.

Aruna Gopinath (1991) pula menunjukkan bahawa struktur politik Pahang pada penghujung abad ke-19 bergantung pada hubungan antara Sultan, pembesar, daerah dan pengikut. Apabila data politik ini dibaca bersama geografi sungai, jelas bahawa sejarah kuasa dan sejarah perairan tidak dapat dipisahkan sepenuhnya. Mobiliti antara daerah, pergerakan hasil dan hubungan antara pusat dengan kawasan pengaruh pembesar banyak bergantung pada sistem perhubungan yang tersedia.

Kajian Zakaria Awang Ali (1977) mengenai perlombongan emas menambah dimensi ekonomi kepada hubungan tersebut. Kegiatan pengeluaran emas sebelum pengukuhan pemerintahan British menunjukkan bahawa kawasan pedalaman Pahang mempunyai nilai ekonomi yang telah berkembang lebih awal. Dalam konteks Asia Tenggara, Reid (1993) menunjukkan bahawa mineral dan hasil pedalaman bergerak melalui beberapa lapisan pertukaran sebelum sampai ke pusat pesisir. Hal ini menguatkan keperluan melihat kawasan sumber sebagai sebahagian daripada sistem maritim apabila ia terhubung dengan jaringan sungai.

Mohd Samsudin (2010) pula menunjukkan bahawa pandangan British terhadap Pahang sebelum 1888 dipengaruhi antara lain oleh persepsi terhadap potensi emas dan bijih timah. Hal ini memperlihatkan bahawa sumber mineral bukan sahaja penting kepada ekonomi tempatan, tetapi turut mempengaruhi pembentukan minat kolonial terhadap negeri.

Literatur tersebut telah menyediakan data penting tentang politik, sungai dan ekonomi Pahang, tetapi unsur-unsur ini masih kerap dibincangkan secara berasingan. Hubungan antara geografi perairan, kawasan sumber dan struktur kuasa belum dihuraikan secara menyeluruh sebagai satu sistem sejarah yang saling berkaitan.

2.3 Hukum Kanun Pahang, Muamalat dan Struktur Institusional

Kajian tentang HKP berkembang dalam bidang sejarah undang-undang, manuskrip dan pemerintahan Melayu. Hooker (1972) menunjukkan bahawa tradisi hukum Melayu berkembang melalui hubungan antara adat dan Islam, manakala Jelani Harun (2008) meneliti penerimaan dan penyesuaian hukum Islam dalam undang-undang kesultanan Melayu. Jelani Harun (2003) turut menempatkan HKP dalam tradisi persuratan Pahang yang lebih luas.

Edisi Hukum Kanun Pahang: Manuskrip Agung Negeri Pahang yang diselenggarakan oleh Yaakub Isa (2003) merupakan sumber primer penting kerana kandungannya merangkumi pemerintahan, hubungan sosial, kesalahan dan muamalat. Ahmad Farid Abd Jalal et al. (2022) menekankan kepentingan HKP dalam memahami struktur hukum Melayu-Islam, manakala Muslim et al. (2024) memperlihatkan kesinambungan kedudukannya dalam sejarah sistem hukum Melayu.

Kajian Ahmad Farid Abd Jalal et al. (2026) membawa pembacaan HKP kepada dimensi kelautan melalui hubungan antara muamalat, autoriti dan kehidupan ekonomi, sementara Yusof et al. (2026) menonjolkan nilainya sebagai sumber tempatan yang membolehkan struktur *governance* Melayu-Islam dibaca di luar dominasi kategori kolonial.

Literatur sejarah ekonomi Islam turut membantu memberikan konteks kepada unsur muamalat. Udovitch (1970) menunjukkan bahawa perdagangan dalam masyarakat Islam berkembang bersama mekanisme kontrak, perkongsian dan tanggungjawab, manakala Khalilieh (2019) memperlihatkan bahawa mobiliti maritim juga menghasilkan persoalan hukum tersendiri.

Walau bagaimanapun, karya-karya ini hanya digunakan sebagai konteks perbandingan. HKP tidak boleh dianggap secara keseluruhan sebagai teks *fiqh al-bahri* (fiqah maritim), dan kandungannya tidak boleh digunakan untuk membuktikan bahawa setiap peruntukan dilaksanakan secara seragam.

Nilai utama HKP kepada kajian ini terletak pada kemampuannya memperlihatkan bahawa ekonomi dan pemerintahan Pahang mempunyai struktur normatif sebelum pembentukan birokrasi kolonial. Aspek ini memperluas sejarah maritim daripada kajian terhadap laluan dan komoditi kepada penelitian terhadap institusi yang mengatur hubungan sosial dan ekonomi.

2.4 Kolonialisme, Autoriti dan Pembentukan Pengetahuan

Kajian tentang pemerintahan kolonial di negeri-negeri Melayu menunjukkan bahawa perubahan tidak berlaku melalui penghapusan segera semua institusi tempatan. Gullick (1988) menunjukkan bahawa Sultan dan pembesar terus mempunyai kedudukan, tetapi hubungan serta bidang kuasa mereka berubah apabila Sistem Residen berkembang. Dalam Pahang, Aruna Gopinath (1991) memperlihatkan bahawa campur tangan British berlaku dalam konteks politik yang kompleks dan menghasilkan perubahan pada hubungan antara institusi tempatan dengan struktur pentadbiran baharu.

Sivachandralingam Sundara Raja (2015) menempatkan perkembangan ini dalam proses peluasan pentadbiran British di negeri-negeri Melayu, manakala kajiannya tentang ekonomi kolonial menunjukkan bahawa hubungan antara pentadbir dengan kapitalis tidak sentiasa sehaluan kerana kepentingan fiskal dan politik kerajaan tidak semestinya sama dengan kepentingan keuntungan modal (Sivachandralingam Sundara Raja, 2018).

Perspektif Cooper (2005) membantu mengelakkan tafsiran yang terlalu total tentang kolonialisme. Pemerintahan kolonial sering beroperasi dengan menggunakan, mengubah dan menyusun semula struktur yang telah sedia wujud. Dalam konteks Pahang, perlombongan, perdagangan dan penggunaan sungai telah mempunyai sejarah sebelum 1888. Oleh itu, persoalan utamanya ialah bagaimana kuasa kolonial mengubah autoriti terhadap sumber, hasil dan ruang, bukan sama ada ekonomi hanya bermula selepas British.

Transformasi kolonial turut mempunyai dimensi epistemik. Stoler (2009) menunjukkan bahawa arkib kolonial merupakan sebahagian daripada teknologi pemerintahan kerana data mengenai penduduk, hasil, komunikasi dan wilayah dikumpulkan untuk tujuan pentadbiran. Trouillot (1995) pula menunjukkan bahawa penghasilan sejarah melibatkan proses pemilihan yang menyebabkan sesetengah pengalaman menjadi lebih kelihatan daripada yang lain.

Dalam konteks Pahang, Abu Talib Ahmad (2024) menunjukkan bahawa sumber pentadbiran kolonial penting untuk mengembangkan sejarah sosial dan ekonomi negeri. Namun, pembacaan terhadapnya menjadi lebih berimbang apabila dibandingkan dengan sumber tempatan seperti HKP yang memberikan perhatian kepada hukum, autoriti dan muamalat. Dengan itu, rekod kolonial dan sumber tempatan perlu dibaca secara silang bagi mengelakkan kategori pentadbiran menjadi satu-satunya kerangka untuk memahami Pahang.

2.5 Jurang Kajian dan Kedudukan Artikel

Literatur sedia ada telah menghasilkan pengetahuan yang luas tentang perdagangan maritim Asia Tenggara, sejarah politik Pahang, perlombongan emas, HKP dan pentadbiran British. Namun, bidang-bidang tersebut banyak berkembang secara terpisah. Historiografi maritim

menumpukan pelabuhan dan perdagangan, sejarah Pahang menonjolkan politik, kajian ekonomi memberi perhatian kepada perlombongan, manakala penelitian hukum berpusat pada HKP.

Jurang pertama terletak pada kekurangan kajian yang menghubungkan sistem sungai, ekonomi sumber, struktur kuasa dan institusi hukum sebagai komponen sebuah sistem sejarah yang sama. Sungai sering dianggap latar geografi, emas sebagai komoditi, pembesar sebagai aktor politik dan HKP sebagai teks hukum, sedangkan keempat-empat unsur berkembang dalam ruang sosial yang saling berkaitan.

Jurang kedua melibatkan kedudukan pedalaman dalam historiografi maritim. Literatur serantau telah menunjukkan hubungan antara kawasan sumber dengan pusat perdagangan, tetapi implikasinya kepada Pahang belum dihuraikan secara sistematik. Jaringan sungai membolehkan pedalaman dinilai sebagai sebahagian daripada dunia maritim apabila ia terhubung secara fungsional dengan muara dan pesisir.

Jurang ketiga berkaitan dengan tafsiran perubahan kolonial. Kewujudan perlombongan, perdagangan dan penggunaan sungai sebelum 1888 menunjukkan bahawa perubahan kolonial tidak dapat dirumuskan sebagai peralihan daripada ketiadaan ekonomi kepada pembangunan ekonomi. Persoalan yang lebih penting ialah perubahan pada autoriti terhadap sumber, pengurusan hasil, hubungan dengan modal dan penggunaan ruang.

Jurang keempat ialah hubungan antara perubahan material dengan perubahan pengetahuan. Dokumentasi kolonial menghasilkan kategori tertentu dalam memahami Pahang, sedangkan HKP memperlihatkan pemerintahan dan masyarakat melalui kategori yang berbeza. Perbandingan kedua-dua tradisi sumber penting bagi membina sejarah yang lebih seimbang.

Artikel ini menghubungkan keempat-empat jurang tersebut melalui kerangka sungai–muara–pesisir dengan menilai hubungan antara perairan, ekonomi sumber, struktur kuasa, institusi hukum dan perubahan kolonial. Pendekatan ini menempatkan Pahang sebagai satu bentuk masyarakat maritim sungai yang mempunyai trajektori sejarah tersendiri.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen sejarah dan analisis kandungan tematik bagi meneliti hubungan antara sistem perairan, ekonomi sumber, struktur pemerintahan, institusi hukum dan perubahan kolonial di Pahang. Pendekatan ini digunakan untuk mengenal pasti unsur kesinambungan dan perubahan dalam hubungan antara ruang, autoriti dan ekonomi sebelum serta selepas pengukuhan pentadbiran British.

Sumber kajian dibahagikan kepada tiga kelompok. Pertama, sumber tempatan yang berpusat pada Hukum Kanun Pahang: Manuskrip Agung Negeri Pahang (Yaakub Isa, 2003), disokong oleh kajian Jelani Harun (2003, 2008), Ahmad Farid Abd Jalal et al. (2022, 2026), Muslim et al. (2024) dan Yusof et al. (2026). Kelompok ini digunakan untuk meneliti struktur normatif, pemerintahan, tradisi manuskrip dan muamalat.

Kedua, karya khusus Pahang digunakan bagi merekonstruksi jaringan sungai, ekonomi sumber dan perubahan politik. Linehan (1936) memberikan data mengenai sungai dan laluan perhubungan; Zakaria Awang Ali (1977) mengenai perlombongan emas; Aruna Gopinath (1991) mengenai Sultan, pembesar dan perubahan selepas Sistem Residen; Mohd Samsudin (2010) mengenai pandangan British terhadap potensi sumber Pahang; dan Abu Talib Ahmad (2024) mengenai perkembangan historiografi negeri.

Ketiga, karya perbandingan digunakan untuk memberikan konteks kepada bukti Pahang. Chaudhuri (1985), Reid (1993), Wolters (1999), Pearson (2003), Boomgaard (2007) dan Sutherland (2007) digunakan bagi memahami perdagangan, jaringan perairan dan mobiliti; Udovitch (1970), Hooker (1972) dan Khalilieh (2019) bagi hubungan hukum, muamalat dan perdagangan; sementara Gullick (1988), Headrick (1981), Cooper (2005) serta Sivachandralingam Sundara Raja (2015, 2018) memberikan konteks kepada perubahan autoriti, pentadbiran dan ekonomi kolonial.

Analisis disusun berdasarkan lima tema: jaringan sungai dan mobiliti; ekonomi sumber; struktur politik Sultan–pembesar–daerah; HKP sebagai sumber pemerintahan dan muamalat; serta perubahan autoriti, pengurusan sumber dan fungsi ruang selepas perkembangan pentadbiran British. Status setiap sumber dibezakan. HKP dibaca sebagai teks normatif yang menunjukkan bidang kehidupan yang diberikan aturan, bukan sebagai bukti bahawa setiap peruntukannya diamalkan secara seragam. Sumber yang lahir dalam lingkungan kolonial pula digunakan secara kontekstual dengan mengambil kira hubungan antara penghasilan pengetahuan dengan keperluan pentadbiran.

Perbandingan sebelum dan selepas 1888 digunakan untuk mengenal pasti perubahan relatif, bukan membentuk pemisahan mutlak antara dua zaman. Kegiatan perlombongan, perdagangan dan penggunaan sungai telah berkembang sebelum Sistem Residen, manakala institusi tempatan terus berfungsi selepas campur tangan British. Kesahan interpretasi diperkuat melalui pembacaan silang sumber. Data sungai dibandingkan dengan sejarah politik, sejarah perlombongan dibaca bersama perkembangan ekonomi kolonial, manakala HKP ditafsirkan bersama kajian manuskrip, hukum dan pemerintahan. Dengan itu, hubungan antara ruang, ekonomi, kuasa dan institusi tidak dibina daripada satu jenis sumber semata-mata.

4.0 KERANGKA KONSEPTUAL DAN ANALITIK

4.1 Tamadun Maritim dan Kontinum Sungai–Muara–Pesisir

Tamadun maritim dalam kajian ini merujuk kepada masyarakat yang kehidupan ekonomi, mobiliti, hubungan politik dan struktur sosialnya mempunyai pergantungan yang signifikan terhadap sistem perairan. Pengertian ini tidak terbatas pada pelabuhan atau pelayaran laut kerana sungai dan laut dalam sejarah Asia Tenggara sering membentuk sistem mobiliti yang saling berkaitan (Reid, 1993; Boomgaard, 2007; Sutherland, 2007).

Atas dasar itu, sungai–muara–pesisir difahami sebagai satu kontinum ruang. Sungai menghubungkan kawasan pengeluaran dan penempatan, muara menjadi ruang pertemuan antara sistem perairan dalaman dengan pesisir, manakala pesisir menyediakan hubungan dengan jaringan yang lebih luas. Mobiliti berlaku dalam dua arah: hasil bergerak dari hulu ke hilir, sementara barangan, manusia dan pengaruh juga bergerak ke kawasan pedalaman.

Wolters (1999) menunjukkan bahawa jaringan dan mobiliti mempunyai kedudukan penting dalam struktur politik Asia Tenggara pra-moden. Oleh itu, kedudukan sesuatu kawasan dalam dunia maritim tidak semestinya ditentukan oleh jaraknya daripada laut, tetapi oleh tahap keterhubungannya dengan jaringan perairan.

4.2 Ekonomi Sumber, Mobiliti dan Kuasa

Sumber pedalaman memperoleh nilai pertukaran yang lebih luas apabila dapat dipindahkan melalui jaringan perhubungan. Mineral dan hasil hutan dengan itu perlu dibaca bersama mobiliti yang menghubungkan kawasan pengeluaran dengan pusat pertukaran (Reid, 1993). Namun,

kewujudan sumber semata-mata tidak membuktikan sifat maritim; hubungan fungsional dengan jaringan perairan perlu dikenal pasti.

Mobiliti tersebut turut mempunyai dimensi politik. Struktur kuasa Melayu pra-moden banyak bergantung pada hubungan antara pemerintah, pembesar, daerah dan pengikut (Wolters, 1999; Gullick, 1988). Sungai menjadi medium yang membolehkan hasil, utusan, manusia dan maklumat bergerak antara kawasan. Oleh itu, ekonomi dan kuasa bertindih dalam ruang perairan yang sama. Kerangka ini memungkinkan perubahan kolonial dinilai melalui persoalan tentang siapa yang mempunyai autoriti terhadap sumber dan bagaimana hubungan antara daerah dengan pusat pemerintahan mengalami perubahan.

4.3 Hukum dan Muamalat sebagai Struktur Institusional

Sistem ekonomi tidak hanya dibentuk oleh komoditi dan laluan, tetapi turut memerlukan aturan tentang pemilikan, hutang, amanah, pembayaran dan tanggungjawab. Dalam tradisi Melayu, struktur tersebut berkembang melalui hubungan antara adat, pemerintahan dan Islam (Hooker, 1972; Jelani Harun, 2008).HKP penting kerana kandungannya merangkumi pemerintahan, hubungan sosial dan muamalat. Ia memungkinkan kegiatan perdagangan dan ekonomi dibaca bersama struktur normatif yang mengaturnya. Udovitch (1970) menunjukkan kepentingan kontrak dan perkongsian dalam sejarah ekonomi Islam, manakala Khalilieh (2019) membincangkan persoalan hukum yang lahir daripada mobiliti maritim. Kedua-dua karya digunakan sebagai konteks perbandingan dan bukan sebagai bukti bahawa HKP merupakan teks *fiqh al-bahri* atau bahawa seluruh institusi hukum maritim Islam diterapkan secara langsung di Pahang. Dengan itu, hukum difahami sebagai salah satu struktur institusional yang melengkapi infrastruktur material sungai dan jaringan perdagangan.

4.4 Kolonialisme sebagai Penyusunan Semula

Konsep penyusunan semula digunakan untuk mengelakkan gambaran bahawa kolonialisme mencipta ekonomi, politik dan infrastruktur daripada keadaan yang sebelumnya tidak memilikinya. Cooper (2005) menunjukkan bahawa pemerintahan kolonial sering beroperasi melalui penggunaan dan perubahan terhadap struktur yang telah sedia ada. Dalam konteks ini, perubahan kolonial dinilai melalui peralihan autoriti terhadap hasil, sumber dan pentadbiran. Headrick (1981) menunjukkan bahawa kemampuan mengurus komunikasi dan jarak mempunyai kepentingan kepada kuasa imperial, tetapi ini tidak bermaksud bahawa jaringan mobiliti hanya muncul selepas penjajahan. Sungai telah lama menjadi medium perhubungan. Perubahan yang diteliti ialah pada pihak yang menentukan penggunaannya, mekanisme yang mengaturnya dan fungsi yang memperoleh keutamaan institusional.

4.5 Daripada Peradaban kepada Infrastruktur

Ungkapan daripada peradaban kepada infrastruktur digunakan untuk menerangkan perubahan pada hierarki fungsi. Peradaban merujuk kepada keadaan apabila ruang perairan mengintegrasikan mobiliti, ekonomi, politik, hubungan sosial dan institusi. Infrastruktur pula merujuk kepada penguatan fungsi utilitarian ruang apabila komunikasi, pentadbiran, pengangkutan dan pengurusan sumber memperoleh kepentingan institusional yang semakin besar. Kedua-duanya bukan dua dunia yang terpisah. Sistem pra-kolonial telah mempunyai fungsi utilitarian, sementara masyarakat selepas campur tangan British terus menggunakan sungai untuk kehidupan sosial dan ekonomi. Perubahan lebih tepat difahami sebagai peralihan pusat graviti apabila sesetengah fungsi memperoleh keutamaan yang lebih besar dalam struktur pemerintahan.

Kerangka ini membolehkan perubahan kolonial dianalisis tanpa membentuk pertentangan simplistik antara dunia pra-kolonial yang dianggap sepenuhnya organik dengan dunia kolonial yang dianggap sepenuhnya utilitarian.

Jadual 1 Kerangka Konseptual dan Dimensi Analisis Sistem Maritim Pahang

Dimensi	Persoalan utama	Konsep analitik	Rujukan asas
Jaringan perairan	Bagaimanakah pedalaman dihubungkan dengan muara dan pesisir?	Sungai–muara–pesisir; mobiliti	Boomgaard (2007); Sutherland (2007)
Ekonomi sumber	Bagaimanakah sumber memasuki jaringan pertukaran?	Pengeluaran; mobiliti; pertukaran	Reid (1993)
Kuasa	Bagaimanakah pusat, pembesar dan daerah dihubungkan?	Jaringan politik; autoriti	Wolters (1999); Gullick (1988)
Hukum	Bagaimanakah hubungan sosial dan ekonomi diatur?	Hukum; muamalat; tanggungjawab	Hooker (1972); Udovitch (1970)
Kolonialisme	Apakah yang berubah selepas campur tangan British?	Penyusunan semula autoriti	Cooper (2005); Headrick (1981)
Transformasi fungsi	Bagaimanakah kedudukan ruang perairan berubah?	Hierarki fungsi; pusat graviti	Sintesis kajian

Jadual 1 memperlihatkan bahawa sistem maritim Pahang tidak dapat diterangkan melalui satu dimensi tunggal seperti perdagangan atau geografi perairan. Sebaliknya, kemaritiman terbentuk melalui hubungan antara jaringan sungai, ekonomi sumber, struktur kuasa, institusi hukum dan perubahan autoriti. Kerangka sungai–muara–pesisir menjadi asas yang menghubungkan kawasan pedalaman dengan pusat pertukaran dan pesisir, manakala mobiliti sumber serta manusia menjadikan ruang-ruang tersebut sebahagian daripada sistem yang saling bergantung. Dalam masa yang sama, kedudukan Sultan, pembesar dan institusi hukum menunjukkan bahawa hubungan maritim tidak beroperasi di luar struktur pemerintahan dan norma sosial.

Kolonialisme pula tidak ditempatkan sebagai titik permulaan kepada ekonomi atau infrastruktur Pahang, tetapi sebagai faktor yang menyusun semula autoriti serta mengubah hierarki fungsi ruang perairan. Dengan itu, kerangka ini menyediakan asas analitik untuk menilai perubahan daripada sistem perairan yang mempunyai fungsi ekonomi, politik, sosial dan institusional yang bertindih kepada susunan yang semakin memberikan keutamaan kepada komunikasi, pentadbiran dan pengurusan sumber. Kerangka ini menempatkan ruang, ekonomi, kuasa dan institusi sebagai unsur yang saling berkaitan. Perubahan dalam sistem maritim Pahang dengan itu dinilai melalui transformasi organisasi, autoriti dan kedudukan relatif fungsi yang telah sedia wujud.

5.0 DAPATAN DAN ANALISIS

5.1 Sistem Sungai Pahang dan Jaringan Mobiliti

Sumber sejarah menunjukkan bahawa sistem Sungai Pahang membentuk jaringan perhubungan yang menghubungkan kawasan pedalaman dengan hilir dan pesisir. Sungai Jelai dan Sungai Tembeling menjadi dua cabang utama, sementara Sungai Semantan dan Sungai Bera memperluas hubungan tersebut ke kawasan lain. Linehan (1936) menunjukkan bahawa jaringan ini

menyediakan laluan bagi pergerakan manusia, hasil dan maklumat dalam ruang yang luas. Sistem tersebut tidak berfungsi melalui satu paksi hulu–hilir sahaja. Beberapa cabang sungai menghubungkan Pahang dengan kawasan lain di Semenanjung. Dalam keadaan jaringan jalan darat moden belum berkembang secara meluas, sungai menjadi medium utama mobiliti dan menghubungkan penempatan, kawasan pengeluaran serta pusat kuasa. Hubungan ini turut mempunyai dimensi politik. Aruna Gopinath (1991) menunjukkan bahawa pembesar Pahang mempunyai hubungan dengan daerah dan kelompok pengikut tertentu. Oleh itu, sistem sungai bukan sekadar latar geografi, tetapi salah satu unsur yang memungkinkan hubungan ekonomi, sosial dan politik dipertahankan.

5.2 Jalan Penarikan dan Hubungan Rentas Semenanjung

Linehan (1936) merekodkan laluan melalui Sungai Bera dan Sungai Serting yang menghubungkan kawasan Penarikan sebelum memasuki sistem Sungai Muar. Laluan tersebut menyediakan hubungan antara lembangan Sungai Pahang dengan sistem perairan yang menghala ke pantai barat. Kewujudan Penarikan menunjukkan bahawa mobiliti tidak semestinya bergantung pada laluan air yang berterusan. Segmen daratan yang relatif pendek boleh menghubungkan dua lembangan apabila manusia, barangan atau perahu dipindahkan dari satu sistem sungai ke sistem yang lain. Hubungan ini memperlihatkan bahawa orientasi perairan Pahang tidak terbatas kepada Laut China Selatan. Pahang turut mempunyai akses ke jaringan rentas Semenanjung melalui Muar. Dengan demikian, sistem mobilitinya lebih kompleks daripada hubungan langsung antara hulu Sungai Pahang dengan muara.

5.3 Perlombongan Emas, Hasil Pedalaman dan Sistem Pertukaran

Kajian Zakaria Awang Ali (1977) menunjukkan bahawa perlombongan emas di Pahang telah berkembang sebelum pengukuhan campur tangan British. Kawasan pengeluaran yang mempunyai hubungan dengan sistem Sungai Jelai menunjukkan bahawa perlombongan berkembang dalam ruang yang mempunyai akses kepada jaringan perairan. Nilai ekonomi emas tidak berhenti pada lokasi pengeluaran. Hasil perlu dipindahkan untuk memasuki jaringan pertukaran, dan sungai menyediakan medium penting dalam proses tersebut. Keadaan ini menunjukkan bahawa kawasan pedalaman tidak sepenuhnya terasing daripada pusat pertukaran.

Hubungan yang sama berlaku kepada hasil pedalaman lain. Reid (1993) menunjukkan bahawa hasil hutan dan bahan mentah mempunyai kedudukan penting dalam perdagangan Asia Tenggara. Barangan lazimnya bergerak melalui beberapa lapisan pengumpulan dan pertukaran sebelum sampai ke pusat yang lebih besar. Dalam Pahang, pergerakan melalui sungai berlaku dalam dua arah. Hasil bergerak dari pedalaman ke hilir, sementara barangan, manusia dan maklumat turut bergerak ke kawasan hulu. Pedalaman dengan itu berfungsi sebagai sebahagian daripada jaringan ekonomi yang lebih luas. Manakala, Mohd Samsudin (2010) menunjukkan bahawa potensi emas dan bijih timah Pahang telah menarik perhatian pegawai British sebelum pengenalan pentadbiran secara langsung. Bukti ini menunjukkan bahawa perubahan selepas 1888 perlu dinilai pada aspek pengurusan dan autoriti terhadap sumber, bukan pada kewujudan kegiatan pengeluaran semata-mata.

5.4 Sultan, Pembesar dan Geografi Kuasa

Struktur politik Pahang sebelum pengukuhan Sistem Residen berasaskan hubungan antara Sultan, pembesar dan masyarakat daerah. Aruna Gopinath (1991) menunjukkan bahawa pembesar mempunyai pengaruh yang berkaitan dengan kawasan serta kelompok pengikut tertentu.

Hubungan tersebut mempunyai kaitan langsung dengan mobiliti. Sungai menyediakan medium bagi pergerakan hasil, utusan dan pengikut serta menghubungkan pusat pemerintahan dengan komuniti dan kawasan sumber. Gullick (1988) menunjukkan bahawa pembesar mempunyai kedudukan penting sebagai penghubung antara pemerintah dengan masyarakat dalam struktur politik negeri-negeri Melayu. Dalam konteks Pahang, fungsi tersebut berkembang dalam lingkungan geografi yang sangat dipengaruhi oleh sistem sungai. Keadaan ini menyediakan asas untuk memahami perubahan selepas 1888 apabila sebahagian urusan pentadbiran dan hasil semakin dipengaruhi oleh institusi kolonial.

5.5 Hukum Kanun Pahang: Pemerintahan dan Muamalat

Hukum Kanun Pahang memberikan bukti tentang kewujudan struktur normatif sebelum pembentukan birokrasi kolonial. Edisi Yaakub Isa (2003) menunjukkan bahawa kandungannya merangkumi pemerintahan, kesalahan, hubungan sosial dan pelbagai bentuk tanggungjawab masyarakat. Kewujudan teks hukum menunjukkan bahawa pemerintahan tidak bergantung semata-mata pada keputusan individu pemerintah. Terdapat aturan yang menetapkan bidang tertentu sebagai tertakluk kepada norma dan tanggungjawab. Jelani Harun (2003) menempatkan HKP dalam tradisi persuratan dan pemerintahan Pahang yang lebih luas, sementara Ahmad Farid Abd Jalal et al. (2022) dan Muslim et al. (2024) menunjukkan kepentingannya dalam memahami perkembangan hukum dan pemerintahan Melayu-Islam.

Kandungan HKP turut meliputi muamalat. Aturan berkaitan hak, hutang, amanah dan pemilikan menunjukkan bahawa hubungan ekonomi dianggap sebagai bidang yang memerlukan pengaturan (Yaakub Isa, 2003). Ahmad Farid Abd Jalal et al. (2026) menunjukkan bahawa unsur muamalat, autoriti dan hubungan ekonomi dalam HKP mempunyai kepentingan dalam memahami masyarakat yang terlibat dalam perdagangan dan perairan.

Walau bagaimanapun, HKP ialah teks normatif dan tidak boleh digunakan sebagai bukti bahawa setiap transaksi di Pahang dikawal secara seragam oleh semua peruntukannya. Nilainya terletak pada kemampuannya menunjukkan bidang sosial dan ekonomi yang diberikan tempat dalam struktur hukum. Dengan itu, bukti HKP melengkapkan data ekonomi. Sejarah perlombongan dan perdagangan menunjukkan kewujudan kegiatan pengeluaran serta pertukaran, sementara HKP memperlihatkan dimensi normatif dan institusional yang mengatur hubungan tersebut.

5.6 Campur Tangan British, Autoriti dan Pengurusan Sumber

Penerimaan Residen British pada 1888 menjadi titik penting dalam perubahan struktur pemerintahan Pahang. Aruna Gopinath (1991) menunjukkan bahawa perkembangan tersebut berlaku dalam konteks politik yang kompleks dan tidak menghapuskan Sultan serta pembesar secara serta-merta. Namun, pegawai British memperoleh pengaruh yang semakin besar dalam pentadbiran dan hasil. Sivachandralingam Sundara Raja (2015) menunjukkan bahawa perkembangan ini merupakan sebahagian daripada peluasan sistem pentadbiran British di negeri-negeri Melayu, sementara pembentukan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 1896 meningkatkan penyelarasan birokrasi dan ekonomi.

Perubahan politik ini turut mempunyai implikasi terhadap sumber. Sivachandralingam Sundara Raja (2018) menunjukkan bahawa ekonomi kolonial berkembang melalui hubungan antara kerajaan dengan kapitalis yang tidak sentiasa sehaluan. Pentadbiran mempunyai kepentingan terhadap hasil dan kestabilan, sementara pelabur menumpukan keuntungan serta akses kepada

sumber. Dalam Pahang, perlombongan tidak bermula bersama pentadbiran British, tetapi semakin berada dalam struktur pengurusan yang terikat kepada birokrasi, peraturan dan modal. Perubahan utama terletak pada mekanisme yang menghubungkan sumber, hasil dan autoriti. Peralihan tersebut berlaku secara bertahap. Struktur tempatan dan kolonial bertindih dalam tempoh tertentu, tetapi kedudukan relatifnya berubah apabila birokrasi memperoleh keupayaan yang semakin besar untuk mengurus sumber dan hasil.

5.7 Sungai, Pentadbiran dan Pembentukan Pengetahuan Kolonial

Perkembangan birokrasi kolonial meningkatkan keperluan untuk menghubungkan pusat pentadbiran dengan daerah. Pegawai, maklumat dan hasil perlu bergerak antara kawasan. Dalam keadaan jaringan jalan darat moden masih berkembang, sungai terus menjadi laluan penting. Keadaan ini menunjukkan bahawa fungsi sungai sebagai medium perhubungan tidak bermula selepas campur tangan British. Yang berubah ialah institusi yang menggunakannya dan tujuan yang semakin diberikan keutamaan. Headrick (1981) menunjukkan bahawa kemampuan mengurus jarak dan komunikasi penting kepada pengukuhan kuasa imperial; di Pahang, jaringan sungai sedia ada menyediakan sebahagian daripada asas tersebut.

Pada masa yang sama, pengukuhan pentadbiran menghasilkan pertambahan dokumentasi mengenai hasil, penduduk, sumber, perhubungan dan daerah. Abu Talib Ahmad (2024) menunjukkan bahawa rekod sedemikian penting kepada perkembangan sejarah sosial dan ekonomi Pahang. Namun, dokumentasi tersebut lahir daripada keperluan pemerintahan. Stoler (2009) menunjukkan bahawa arkib kolonial merupakan sebahagian daripada proses mengenal pasti dan mengurus wilayah. Oleh itu, kategori yang menonjol dalam rekod kolonial turut mencerminkan keutamaan pentadbiran. Perbandingan dengan HKP memperlihatkan perbezaan struktur pengetahuan. Sumber tempatan memberi perhatian kepada hukum, autoriti dan tanggungjawab, sementara rekod kolonial lebih menonjolkan hasil, sumber dan pengurusan wilayah. Yusof et al. (2026) menunjukkan bahawa penggunaan HKP membantu mengembalikan struktur governan Melayu-Islam yang kurang kelihatan dalam arkib kolonial.

Jadual 2 Dapatan Utama tentang Sistem Maritim dan Perubahan Struktur di Pahang

Bidang dapatan	Bukti utama	Dapatan
Jaringan sungai	Linehan (1936)	Sistem perairan menghubungkan pedalaman, hilir dan kawasan lain
Penarikan	Linehan (1936)	Menghubungkan lembangan Pahang dengan sistem Sungai Muar
Ekonomi sumber	Zakaria Awang Ali (1977); Mohd Samsudin (2010)	Perlombongan wujud sebelum British dan kemudian menjadi perhatian kolonial
Struktur kuasa	Aruna Gopinath (1991); Gullick (1988)	Sultan, pembesar, daerah dan masyarakat membentuk jaringan politik tempatan
Hukum dan muamalat	Yaakub Isa (2003); Ahmad Farid Abd Jalal et al. (2022, 2026); Muslim et al. (2024)	HKP menunjukkan struktur normatif pemerintahan dan ekonomi

Pentadbiran colonial	Sivachandralingam Sundara Raja (2015, 2018)	Autoriti, hasil dan pengurusan sumber semakin terikat kepada birokrasi
Pengetahuan kolonial	Stoler (2009); Abu Talib Ahmad (2024); Yusof et al. (2026)	Sumber kolonial dan tempatan membingkai Pahang melalui kategori yang berbeza

Jadual 2 memperlihatkan hubungan yang konsisten antara bukti sejarah dengan hujah utama kajian. Data Linehan mengenai jaringan Sungai Pahang dan Jalan Penarikan menunjukkan bahawa mobiliti Pahang berkembang melalui sistem perairan yang menghubungkan pedalaman bukan sahaja dengan pesisir timur, tetapi juga dengan jaringan rentas Semenanjung. Kajian Zakaria Awang Ali dan Mohd Samsudin pula menunjukkan bahawa kegiatan perlombongan serta kepentingan terhadap sumber mineral telah wujud sebelum pengukuhan pemerintahan British. Hal ini menolak anggapan bahawa kegiatan ekonomi berorientasikan sumber hanya bermula selepas kolonialisme.

Pada aras politik dan institusional, karya Aruna Gopinath, Gullick serta HKP menunjukkan kewujudan jaringan Sultan–pembesar–daerah dan struktur hukum yang mengatur pemerintahan serta muamalat. Selepas 1888, perubahan utama bukan penghapusan keseluruhan sistem terdahulu, tetapi peningkatan peranan birokrasi dalam mengurus hasil, sumber dan hubungan antara pusat dengan daerah.

Perbandingan sumber kolonial dengan HKP selanjutnya menunjukkan bahawa perubahan tersebut turut melibatkan cara Pahang direkod dan difahami. Keseluruhan dapatan dengan demikian menyokong tafsiran bahawa transformasi kolonial Pahang lebih tepat dilihat sebagai penyusunan semula autoriti, fungsi ruang dan organisasi ekonomi daripada suatu pemutusan mutlak dengan zaman sebelumnya. Keseluruhan dapatan menunjukkan bahawa sebelum pengukuhan pentadbiran British, Pahang telah mempunyai jaringan perairan, kegiatan ekonomi, struktur kuasa dan institusi hukum. Selepas 1888, perubahan berlaku melalui penyusunan semula autoriti, pengurusan sumber dan penggunaan ruang, sementara sebahagian jaringan tempatan terus berfungsi.

6.0 PERBINCANGAN

6.1 Pahang sebagai Tamadun Maritim Sungai–Pesisir

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemaritiman Pahang tidak memadai dinilai berdasarkan kewujudan pelabuhan entrepot atau pelayaran laut terbuka semata-mata. Hubungan antara pedalaman, sungai, muara dan pesisir membentuk jaringan yang memungkinkan pergerakan manusia, komoditi, maklumat dan kuasa. Dalam konteks ini, sifat maritim Pahang terletak pada keterhubungan ruang dan bukannya jarak fizikal daripada laut. Pembacaan ini selari dengan Boomgaard (2007) dan Sutherland (2007) yang menempatkan air sebagai unsur struktur dalam sejarah Asia Tenggara. Sungai bukan sekadar laluan membawa hasil ke laut, tetapi turut membentuk penempatan, mobiliti dan hubungan politik. Sistem perairan Jelai–Tembeling–Pahang serta hubungan melalui Semantan, Bera dan Penarikan memperlihatkan bahawa jaringan perairan Pahang tidak bergerak melalui satu paksi hulu–hilir sahaja, tetapi mempunyai hubungan dengan ruang yang lebih luas.

Implikasinya ialah kawasan pedalaman tidak wajar dianggap secara automatik sebagai ruang di luar dunia maritim. Kegiatan perlombongan dan pengeluaran hasil memperoleh makna ekonomi

apabila sumber dapat bergerak melalui jaringan pertukaran. Reid (1993) menunjukkan bahawa pusat perdagangan Asia Tenggara mempunyai hubungan rapat dengan kawasan sumber di pedalaman. Dalam kes Pahang, hubungan tersebut dimediasi oleh sungai.

Pedalaman dengan itu bukan sekadar pembekal pasif kepada pesisir. Barangan dan hasil bergerak ke hilir, tetapi manusia, maklumat dan barangan dari luar turut bergerak ke arah hulu. Hubungan dua hala ini menjadikan pedalaman sebahagian daripada sistem sosial dan ekonomi yang sama. Perspektif tersebut juga menjelaskan mengapa Pahang tidak perlu diukur berdasarkan model Melaka. Melaka berkembang sebagai entrepot antarabangsa, manakala Pahang memperlihatkan bentuk kemaritiman yang berasaskan integrasi sungai dengan kawasan sumber. Kedua-duanya mewakili bentuk kemaritiman yang berbeza dalam Alam Melayu.

6.2 Ekonomi Pra-Kolonial: Kesinambungan dan Perubahan

Pengiktirafan terhadap kegiatan ekonomi sebelum campur tangan British tidak bermaksud masyarakat pra-kolonial harus digambarkan sebagai ekonomi yang bebas daripada keuntungan, persaingan atau kepentingan sumber. Perlombongan emas dan pertukaran hasil menunjukkan bahawa kepentingan material telah lama menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat Pahang. Pemerintah, pembesar dan pedagang mempunyai kepentingan terhadap sumber serta aliran hasil. Oleh itu, perbezaan antara ekonomi pra-kolonial dengan kolonial tidak sesuai dibina sebagai pertentangan antara ekonomi *tradisional* yang berasaskan nilai dengan ekonomi kolonial yang semata-mata berasaskan keuntungan.

Perbezaan yang lebih penting terletak pada struktur organisasi dan autoriti. Sebelum campur tangan British, kegiatan ekonomi berlangsung dalam jaringan yang melibatkan Sultan, pembesar, komuniti tempatan dan pedagang. Selepas 1888, kegiatan yang telah sedia wujud semakin dimasukkan ke dalam struktur birokrasi yang mempunyai keupayaan lebih besar untuk mengurus hasil, peraturan dan hubungan dengan modal. Sivachandralingam Sundara Raja (2018) menunjukkan bahawa ekonomi kolonial sendiri tidak bergerak melalui satu kepentingan tunggal kerana pentadbir dan kapitalis boleh mempunyai pertimbangan yang berbeza. Dalam konteks Pahang, kolonialisme lebih tepat dikaitkan dengan perubahan pada organisasi, skala dan autoriti terhadap kegiatan ekonomi daripada dengan penciptaan ekonomi baharu.

Dengan demikian, kesinambungan dan perubahan perlu dibaca secara serentak. Perlombongan, perdagangan dan penggunaan sungai berterusan, tetapi institusi yang mengawal dan menghubungkan kegiatan tersebut dengan struktur ekonomi yang lebih luas mengalami transformasi.

6.3 Penyusunan Semula Kuasa: Sultan, Pembesar dan Birokrasi

Sebelum pengukuhan Sistem Residen, struktur politik Pahang berkembang melalui hubungan antara Sultan, pembesar, daerah dan masyarakat. Autoriti pembesar mempunyai hubungan dengan kawasan, pengikut dan aliran hasil. Dalam sistem seperti ini, sungai menjadi salah satu medium yang menghubungkan pusat kuasa dengan daerah. Pengenalan Sistem Residen pada 1888 tidak menghapuskan struktur tersebut secara serta-merta. Sultan dan pembesar terus mempunyai kedudukan, tetapi sebahagian fungsi pentadbiran dan hasil semakin dipengaruhi oleh pegawai British. Perubahan ini menghasilkan pertindihan antara institusi tempatan dengan birokrasi kolonial. Gullick (1988) menunjukkan bahawa perubahan kuasa di negeri-negeri Melayu tidak boleh diterangkan sebagai penggantian segera institusi tradisional. Sebaliknya, bidang kuasa dan hubungan antara pemerintah tempatan dengan pentadbiran kolonial mengalami penyusunan semula.

Perbezaan penting terletak pada sifat birokrasi. Pentadbiran kolonial bergantung pada rekod, hierarki pegawai, peraturan dan penyelarasan yang lebih formal. Struktur ini meningkatkan kemampuan pemerintah untuk menghubungkan daerah dengan pusat melalui mekanisme pentadbiran yang lebih sistematik. Akibatnya, perubahan politik selepas 1888 turut mengubah geografi kuasa. Sungai terus menjadi laluan masyarakat, tetapi semakin juga menyokong pergerakan pegawai, maklumat dan kepentingan pentadbiran. Transformasi kuasa dengan itu berlaku melalui perubahan pihak yang mempunyai kemampuan lebih besar untuk mengurus ruang, sumber dan hasil.

6.4 Hukum Kanun Pahang, Muamalat dan Peradaban Berinstitusi

HKP memperlihatkan bahawa dunia maritim Pahang tidak hanya dibentuk oleh geografi dan pertukaran ekonomi, tetapi turut mempunyai struktur normatif. Kandungannya mengenai pemerintahan, hubungan sosial dan muamalat menunjukkan bahawa bidang-bidang tertentu dianggap memerlukan aturan dan tanggungjawab. Kedudukan muamalat penting kerana kegiatan ekonomi menghasilkan persoalan berkaitan harta, hutang, amanah dan pertikaian. Dalam konteks ini, hukum memberikan kerangka institusional kepada hubungan yang terbentuk melalui perdagangan dan mobiliti. Udovitch (1970) menunjukkan bahawa kontrak dan perkongsian mempunyai peranan penting dalam sejarah ekonomi Islam, manakala Khalilieh (2019) memperlihatkan bahawa mobiliti maritim turut menghasilkan persoalan hukum. Karya-karya tersebut memberikan konteks perbandingan kepada HKP tetapi tidak membuktikan bahawa semua institusi yang dibincangkan dalam dunia Islam diterapkan di Pahang dalam bentuk yang sama.

Oleh itu, HKP tidak harus ditafsirkan sebagai sebuah teks *fiqh al-bahri* secara keseluruhan. Nilainya dalam kajian ini terletak pada kemampuannya memperlihatkan bahawa perdagangan, pemerintahan dan kehidupan sosial beroperasi dalam lingkungan normatif yang dipengaruhi oleh Islam dan disesuaikan dengan struktur masyarakat Melayu. Dengan demikian, sungai menyediakan infrastruktur material kepada mobiliti, sementara hukum menyediakan struktur institusional kepada hubungan manusia yang terbentuk melalui mobiliti tersebut. Gabungan kedua-duanya membantu menjelaskan Pahang sebagai suatu peradaban yang mempunyai struktur ekonomi dan normatif secara serentak.

6.5 Kolonialisme dan Perubahan Hierarki Fungsi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa campur tangan British berlaku terhadap sebuah negeri yang telah mempunyai jaringan perairan, ekonomi sumber dan struktur kuasa. Kolonialisme oleh itu lebih tepat difahami sebagai proses penyusunan semula daripada penciptaan sistem baharu daripada keadaan kosong. Selepas 1888, sumber dan hasil semakin berada dalam lingkungan peraturan serta pentadbiran yang mempunyai hubungan dengan modal. Pada masa yang sama, sungai terus digunakan masyarakat tetapi memperoleh kepentingan yang lebih besar kepada kerajaan sebagai laluan komunikasi, pentadbiran dan hubungan dengan kawasan sumber.

Cooper (2005) membantu menjelaskan proses tersebut melalui penekanan bahawa kolonialisme sering beroperasi dengan menggunakan dan mengubah struktur yang sedia ada. Headrick (1981) pula menunjukkan bahawa penguasaan komunikasi dan kemampuan mengatasi jarak merupakan unsur penting dalam pengembangan kuasa imperial. Dalam Pahang, keperluan itu tidak semestinya memerlukan penciptaan semua jaringan daripada awal kerana sistem sungai telah pun menyediakan laluan mobiliti. Di sinilah ungkapan "daripada peradaban kepada infrastruktur" memperoleh makna analitik. Ia tidak merujuk kepada perubahan daripada masyarakat yang tidak mempunyai infrastruktur kepada masyarakat yang berinfrastruktur. Sungai telah lama mempunyai

fungsi pengangkutan dan ekonomi. Yang berubah ialah hierarki fungsi dan pihak yang mempunyai kemampuan menentukan keutamaannya.

Sebelum pengukuhan kolonial, sungai menggabungkan mobiliti, ekonomi, hubungan politik dan kehidupan sosial dalam satu ruang. Selepas pembentukan birokrasi kolonial, fungsi komunikasi, pengangkutan komoditi, pentadbiran dan pengurusan sumber memperoleh sokongan institusional yang semakin kuat. Transformasi ini boleh difahami sebagai perubahan pusat graviti. Peradaban tidak lenyap, dan fungsi sosial sungai tidak terhapus. Namun, nilai utilitarian ruang semakin diberi keutamaan dalam struktur pemerintahan. Konsep ini membolehkan perubahan kolonial dihuraikan tanpa menghasilkan pertentangan simplistik antara dunia pra-kolonial dengan kolonial.

6.6 Perubahan Epistemik dan Pembingkaian Pahang

Kolonialisme turut mengubah cara Pahang direkod dan diketahui. Pertambahan dokumentasi selepas 1888 menghasilkan maklumat yang semakin sistematik mengenai penduduk, hasil, sumber, daerah dan komunikasi. Sumber tersebut penting kepada historiografi, tetapi kategori yang digunakan berkait rapat dengan keperluan pemerintahan. Stoler (2009) menunjukkan bahawa arkib kolonial bukan sekadar tempat menyimpan maklumat, tetapi sebahagian daripada teknologi pemerintahan. Kerajaan merekod perkara yang diperlukan untuk mengurus wilayah. Oleh itu, sungai boleh ditonjolkan sebagai laluan, sementara kawasan tertentu memperoleh perhatian kerana nilai hasil atau sumbernya.

Apabila dokumentasi seperti ini menjadi sumber utama sejarah, kategori pentadbiran berpotensi diwarisi oleh historiografi kemudian. Pahang boleh muncul terutamanya sebagai kawasan sumber atau wilayah pentadbiran, sedangkan struktur hukum dan kategori sosial tempatan menjadi kurang kelihatan. Trouillot (1995) mengingatkan bahawa penghasilan sejarah melibatkan pemilihan yang menghasilkan kesenyapan tertentu. Dalam konteks ini, HKP menjadi penting kerana membawa kategori yang berbeza seperti hukum, amanah, muamalat dan autoriti.

Oleh itu, sumber kolonial tidak perlu ditolak, tetapi perlu dibaca bersama sumber tempatan. Perbandingan kedua-duanya membolehkan sejarah Pahang dibangunkan melalui lebih daripada satu struktur pengetahuan dan mengurangkan dominasi kategori pentadbiran kolonial dalam pembentukan naratif.

6.7 Implikasi terhadap Historiografi Maritim Alam Melayu

Kes Pahang membawa beberapa implikasi kepada historiografi maritim Alam Melayu. Pertama, ia menunjukkan bahawa kemaritiman mempunyai bentuk yang pelbagai dan tidak perlu bergantung pada kewujudan entrepot antarabangsa. Sistem sungai yang menghubungkan pedalaman dengan pesisir juga mampu menghasilkan orientasi maritim yang kukuh.

Kedua, pedalaman perlu dimasukkan ke dalam analisis apabila mempunyai hubungan fungsional dengan jaringan perairan. Kawasan pengeluaran, masyarakat hulu dan pembesar daerah bukan unsur luaran kepada sistem maritim, tetapi sebahagian daripada struktur yang menyokong pergerakan sumber dan manusia. Ketiga, sejarah maritim perlu bergerak melampaui perdagangan. Mobiliti mempunyai hubungan dengan kuasa dan hukum kerana manusia dan komoditi bergerak dalam masyarakat yang mempunyai struktur autoriti serta aturan normatif. Keempat, pengalaman kolonial menunjukkan bahawa kemaritiman juga mempunyai sejarah perubahan kuasa. Sungai fizikal boleh kekal, tetapi institusi yang menentukan penggunaan, pengurusan dan kepentingannya dapat berubah secara mendalam. Kelima, perubahan material mempunyai dimensi epistemik. Cara ruang direkod sebagai sumber, hasil atau laluan pentadbiran boleh mempengaruhi cara generasi kemudian memahami sejarahnya.

Atas dasar itu, Pahang tidak perlu dinilai melalui kemampuannya menyaingi Melaka dari segi skala perdagangan. Sumbangan kes Pahang terletak pada kemampuannya memperlihatkan bentuk kemaritiman sungai yang menghubungkan pedalaman, ekonomi, institusi dan kuasa. Kerangka sungai–muara–pesisir dengan itu memperluas historiografi maritim daripada sejarah kapal dan pelabuhan kepada sejarah keterhubungan antara ruang, masyarakat, sumber, hukum dan pemerintahan.

7.0 KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa sejarah maritim Pahang lebih tepat difahami melalui hubungan antara pedalaman, sistem sungai, muara dan pesisir daripada melalui model yang menumpukan pelabuhan entrepot dan perdagangan laut semata-mata. Sungai Pahang bersama jaringan Jelai, Tembeling, Semantan dan Bera menghubungkan kawasan pengeluaran, penempatan, pusat kuasa dan pesisir serta membentuk satu sistem mobiliti yang memungkinkan kegiatan ekonomi, hubungan politik dan kehidupan sosial berkembang dalam ruang yang saling terhubung.

Kedudukan kawasan pedalaman dalam sistem tersebut memperlihatkan bahawa kemaritiman tidak semestinya ditentukan oleh kedekatan fizikal dengan laut. Perlombongan emas dan pengeluaran hasil pedalaman telah berkembang sebelum pengukuhan kuasa British, sementara jaringan sungai memungkinkan sumber, manusia dan maklumat bergerak antara kawasan. Dengan itu, pedalaman merupakan sebahagian daripada dunia maritim apabila dihubungkan secara fungsional dengan sistem perairan.

Sistem tersebut turut mempunyai dimensi politik dan institusional. Hubungan antara Sultan, pembesar, daerah dan masyarakat menunjukkan bahawa sungai mempunyai fungsi dalam mengekalkan jaringan kuasa, sementara *Hukum Kanun Pahang* memperlihatkan kewujudan struktur normatif yang mengatur pemerintahan, hubungan sosial dan muamalat. Sejarah maritim Pahang dengan demikian tidak hanya berkaitan dengan pergerakan komoditi, tetapi juga dengan institusi yang mengatur hubungan antara manusia.

Campur tangan British selepas tahun 1888 bukanlah titik permulaan kepada kegiatan perdagangan, perlombongan dan penggunaan sungai sebagai laluan pengangkutan di Pahang, sebaliknya berlaku dalam konteks kegiatan ekonomi dan jaringan perhubungan yang telah pun berkembang sebelum kedatangan pentadbiran kolonial. Perubahan yang lebih penting berlaku pada organisasi autoriti, pengurusan hasil, hubungan dengan modal dan penggunaan ruang. Birokrasi kolonial memperoleh kemampuan yang semakin besar untuk mengurus sumber dan daerah, sementara jaringan yang telah lama digunakan masyarakat dimasukkan ke dalam struktur pentadbiran yang baharu. Atas dasar itu, transformasi kolonial di Pahang lebih tepat difahami sebagai penyusunan semula, bukannya penggantian mutlak. Ungkapan *daripada peradaban kepada infrastruktur* merujuk kepada perubahan hierarki fungsi apabila komunikasi, pentadbiran, pengangkutan komoditi dan pengurusan sumber memperoleh keutamaan institusional yang semakin besar. Sungai kekal sebagai ruang kehidupan masyarakat, tetapi pusat autoriti dan keutamaan penggunaannya berubah.

Pengalaman Pahang akhirnya memperluas historiografi maritim Alam Melayu dengan menunjukkan bahawa kemaritiman boleh berkembang melalui sistem sungai yang menghubungkan pedalaman dengan pesisir. Kerangka sungai–muara–pesisir membolehkan sejarah maritim bergerak melampaui tumpuan terhadap kapal dan pelabuhan kepada hubungan antara ruang, sumber, kuasa, hukum dan masyarakat. Pahang tidak perlu disamakan dengan Melaka untuk dianggap maritim; kepentingannya terletak pada bentuk kemaritiman sungai yang tersendiri serta transformasinya di bawah pemerintahan kolonial

Penghargaan

Kami merakamkan setinggi tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan, pandangan, serta dorongan dalam penyempurnaan kajian ini, khususnya kakitangan Muzium Pahang

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini

Senarai Rujukan

Abu Talib Ahmad. (2024). State history: A case of Pahang. *MINDEN Journal of History and Archaeology, 1*(1), 11–29.

Ahmad Farid Abd Jalal, Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, Rahimin Affandi Abdul Rahim, & Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. (2026). Hukum Kanun Pahang sebagai arkib peradaban kelautan Alam Melayu. *Jurnal Melayu, 25*(1), 58–79. DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2501.04

Ahmad Farid Abd Jalal, Rahimin Affandi Abdul Rahim, & Awang Azman Awang Pawi. (2022). Manuskrip Hukum Kanun Pahang: Antara kepentingan dan kritikan sarjana kolonial. *Jurnal Melayu Sedunia, 5*(1), 89–99.

Aruna Gopinath. (1991). *Pahang, 1880–1933: A political history* (Monograph No. 18). Council of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.

Boomgaard, P. (Ed.). (2007). *A world of water: Rain, rivers and seas in Southeast Asian histories*. KITLV Press.

Chaudhuri, K. N. (1985). *Trade and civilisation in the Indian Ocean: An economic history from the rise of Islam to 1750*. Cambridge University Press.

Cooper, F. (2005). *Colonialism in question: Theory, knowledge, history*. University of California Press.

Gullick, J. M. (1988). *Rulers and residents: Influence and power in the Malay states, 1870–1920*. Oxford University Press.

Headrick, D. R. (1981). *The tools of empire: Technology and European imperialism in the nineteenth century*. Oxford University Press.

Hooker, M. B. (1972). *Readings in Malay adat laws*. Oxford University Press.

Jelani Harun. (2003). Pengarang dan penyalin manuskrip Negeri Pahang. *Jurnal Filologi Melayu, 11*, 75–89.

Jelani Harun. (2008). *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam perbandingan.* Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Khalilieh, H. S. (2019). *Islamic law of the sea: Freedom of navigation and passage rights in Islamic thought*. Cambridge University Press.

Linehan, W. (1936). A history of Pahang. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society, 14*(2), 1–257.

Mohd Samsudin. (2010). Pahang sekitar abad ke-19 menurut pandangan pegawai-pegawai British. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, 37*, 105–121.

Muslim, N., Mohamed, A. F., & Arham, A. F. (2024). From the past to the present: The enduring impact of Hukum Kanun Pahang (Pahang Laws) in Malaysian society. *Humanities and Social Sciences Communications, 11*, Article 811. DOI: https://doi.org/10.1057/s41599-024-03281-1

Pearson, M. N. (2003). *The Indian Ocean*. Routledge.

Reid, A. (1993). *Southeast Asia in the age of commerce, 1450–1680: Volume 2, Expansion and crisis*. Yale University Press.

Sivachandralingam Sundara Raja. (2015). The early British administrators in the Malay States, 1874–1909. *SEJARAH: Journal of the Department of History, 24*(1), 32–41. DOI: https://doi.org/10.22452/sejarah.vol24no1.3

Sivachandralingam Sundara Raja. (2018). *The economy of colonial Malaya: Administrators versus capitalists*. Routledge.

Stoler, A. L. (2009). *Along the archival grain: Epistemic anxieties and colonial common sense*. Princeton University Press.

Sutherland, H. (2007). Geography as destiny? The role of water in Southeast Asian history. In P. Boomgaard (Ed.), *A world of water: Rain, rivers and seas in Southeast Asian histories* . 27–70. KITLV Press.

Trouillot, M.-R. (1995). *Silencing the past: Power and the production of history*. Beacon Press.

Udovitch, A. L. (1970). *Partnership and profit in medieval Islam*. Princeton University Press.

Wolters, O. W. (1999). *History, culture, and region in Southeast Asian perspectives* (Rev. ed.). Southeast Asia Program Publications, Cornell University.

Yaakub Isa (Peny.). (2003). *Hukum Kanun Pahang: Manuskrip agung negeri Pahang*. Muzium Negeri Pahang.

Yusof, A., Abd Jalal, A. F., Alias, A. W., & Abd Rahim, R. A. (2026). Hukum Kanun Pahang sebagai *counter-archive*: Analisis dekolonial terhadap arkib kolonial British. *Jurnal Al-Sirat, 26*(1), 153–177. DOI: https://doi.org/10.64398/alsirat.v26i1.526

Zakaria Awang Ali. (1977). Latar belakang sejarah perlombongan emas di Pahang hingga 1914. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies, 7*, 128–144.